



NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pelan **AutoBuddy**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya agar tidak membuat salah nyata dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion. Anda mesti menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dalam menjawab sebarang pertanyaan boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas akan berterusan sehingga kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Di samping menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu boleh menjadi relevan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada kami akan sebarang maklumat yang tidak tepat atau telah berubah dalam Borang Cadangan (atau apabila anda sudah memohon insurans ini) dengan kadar segera, pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami.

1) Apakah produk ini?

Produk ini layak untuk semua kenderaan persendirian dan direka untuk memberi pampasan sekiranya berlaku kematian atau kecederaan tubuh yang tidak disengajakan kepada Orang Yang Diinsuranskan, pemandu dan / atau penumpang dinamakan akibat kemalangan semasa memandu atau menunggang, menaiki atau turun dari kenderaan yang dinamakan dalam polisi.

Produk ini juga menawarkan manfaat tambahan seperti perkhidmatan tunda tanpa had sekiranya berlaku kerosakan dan perlindungan banjir.

2) Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

PERKAR A	MANFAAT	JUMLAH DIINSURANSKAN (RM)				
		PELAN A	PELAN B	PELAN C	PELAN D	PELAN E
1)	Kematian Akibat Kemalangan (Setiap Orang yang Diinsuranskan)	20,000.00	30,000.00	40,000.00	50,000.00	60,000.00
2)	Kecacatan Kekal (Setiap Orang yang Diinsuranskan)	20,000.00	30,000.00	40,000.00	50,000.00	60,000.00
3)	Perbelanjaan Perubatan (Setiap Orang yang Diinsuranskan)	200.00	400.00	700.00	800.00	1,000.00

4)	Elaun Khairat Kematian (Setiap Orang yang Diinsuranskan)	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00
5)	Elaun Kemasukan Hospital (Maksimum sehingga 30 hari bagi setiap tempoh polisi untuk setiap Orang yang Diinsuranskan)	50.00	50.00	50.00	50.00	50.00
6)	Tunda Kecemasan 24 jam dan Bantuan Jalan Raya (Akibat Kerosakan)	Jarak tempuh tanpa had	Jarak tempuh tanpa had	Jarak tempuh tanpa had	Jarak tempuh tanpa had	Jarak tempuh tanpa had
7)	Perlindungan Banjir sehingga RM 1,500 (dalam agregat mana-mana satu tempoh insurans)	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00	1,500.00

- Sila rujuk kepada Jadual Manfaat dan ciri penuh dalam kontrak polisi.
- Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Polisi insurans ini akan diperbaharui secara tahunan.

3) Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar bergantung kepada pelan yang dibeli.

Premium Tahunan yang ditunjukkan di bawah adalah tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan dan RM 10 Duti Setem.

Pembayaran Premium boleh dibuat secara Tunai, Kad Kredit/Debit, Perbankan Internet dan Cek.

JADUAL PREMIUM

Kapasiti Tempat Duduk	Jumlah Diinsuranskan (RM)				
	PELAN A	PELAN B	PELAN C	PELAN D	PELAN E
20,000.00 Setiap Orang yang Diinsuranskan	30,000.00 Setiap Orang yang Diinsuranskan	40,000.00 Setiap Orang yang Diinsuranskan	50,000.00 Setiap Orang Yang Diinsuranskan	60,000.00 Setiap Orang Yang Diinsuranskan	
Premium Tahunan(RM)					
5 Tempat Duduk (Pemandu dan 4 penumpang)	75.00	113.00	150.00	180.00	225.00
Setiap tempat duduk tambahan	9.00	10.00	12.00	15.00	18.00

4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj yang perlu anda bayar adalah:

Jenis	Jumlah
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% dari premium
Duti setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dari premium

5) Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

a) Kewajipan Pendedahan

Anda perlu memberikan fakta yang lengkap dan benar di dalam borang permohonan anda. Jika anda gagal untuk berbuat demikian, polisi ini akan dianggap tidak sah.

b) Had Wilayah – Di mana-mana sahaja di dalam Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei Darussalam.

c) Kelayakan – Untuk Orang Yang Diinsuranskan/ Pemandu Dinamakan yang berumur 17 hingga 70 tahun dan kenderaan persendirian, tertakluk kepada terma dan syarat pengunderait.

d) Tunai Sebelum Perlindungan – Insurans ini tidak akan berkuat kuasa melainkan premium telah dibayar dan diterima oleh Syarikat.

e) Melainkan diperbaharui, perlindungan akan tamat pada tarikh luput.

f) Kapasiti Tempat Duduk

- Bilangan Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh melebihi kapasiti tempat duduk Kenderaan Dinamakan seperti yang dinyatakan dalam pendaftaran kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia untuk Kenderaan Dinamakan

g) Jumlah yang Diinsuranskan

- Agregat jumlah keseluruhan yang perlu dibayar berhubung dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada Manfaat Kematian untuk setiap satu Orang yang Diinsuranskan.
- Penumpang yang berumur 30 hari ke 15 tahun berhak mendapat 50% dari Manfaat 1 dan Manfaat 2 yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di atas.
- Polisi ini menyediakan perlindungan untuk 5 Orang yang Diinsuranskan (termasuk pemandu). Walau bagaimanapun, premium tambahan boleh dibayar sekiranya terdapat orang tambahan yang ingin dilidungi tetapi jumlah Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh melebihi kapasiti tempat duduk seperti yang dinyatakan dalam Pendaftaran Kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. Sekiranya bilangan sebenar orang yang berada di dalam kenderaan melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi, had liabiliti Syarikat bagi setiap orang akan dikurangkan secara berkadar.

h) Penyerahan Tuntutan

Sekiranya berlaku kemalangan, anda dikehendaki untuk memberitahu kami dalam tempoh 7 hari dari kemalangan dan mengemukakan tuntutan anda dengan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam tempoh 14 hari selepas pemberitahuan.

6) Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang diakibatkan dari:

- a. Pengionan, radiasi atau pencemaran melalui radioaktif.
- b. Perang dan risiko yang berkaitan.
- c. Bunuh diri, kecederaan yang disengajakan, pendedahan yang sengaja kepada bahaya atau perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- d. Kehamilan, melahirkan anak, kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan.
- e. Berada di bawah pengaruh dadah.
- f. Berada di bawah pengaruh alkohol melainkan alkohol bukan faktor yang menyumbang kepada kecederaan.
- g. Kenderaan yang digunakan untuk perlumbaan, ujian kelajuan, sewa atau perhimpunan jalan raya.
- h. Kemalangan di luar Had Wilayah.
- i. Tindakan Keganasan.
- j. Pengecualian politik.
- k. AIDS, penyakit kompleks yang berkaitan dengan AIDS atau penyakit jangkitan seksual (STD).
- l. Penggunaan kenderaan secara haram.
- m. Pemandu yang tidak memiliki lesen memandu yang sah.

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.)

7) Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami di mana kami akan mengekalkan kadar jangka pendek untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium tertakluk kepada premium minimum yang akan dikekalkan oleh syarikat. Tiada bayaran balik premium akan dibenarkan sekiranya terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

8) Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan/peribadi saya?

Itu adalah penting untuk anda memberitahu kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas butiran perhubungan anda. Ini bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

9) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No: 197601004719 (30686-K)

Tingkat 9, Wisma Tune,

No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights,

50490, Kuala Lumpur,

Malaysia.

No Tel : 1800 88 5753

Faks : 03-20941366

Emel : hello.my@tuneprotect.com

Laman Web : www.tuneprotect.com

10) Lain-lain jenis insurans Kemalangan Diri yang disediakan:

Anda boleh menyemak dengan wakil jualan anda atau hubungi syarikat insurans secara langsung untuk mengetahui jenis perlindungan insurans yang serupa yang tersedia pada masa ini.



NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memperhatikan skala faedah untuk kematian dan kecacatan dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan ejen atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang digunakan dinyatakan dalam kontrak

Tune Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 31 Mar 2020.